



## **PROGRAM DIPLOMA TAHFIZ AL QURAN DAN AL-QIRAAT DARUL QURAN, JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA, MALAYSIA**

### **SISTEM PENGAJIAN**

Pengajian Program Diploma Tahfiz al-Quran dijalankan mengikut sistem semester iaitu selama 6 semester (3 tahun). Pelajar-pelajar yang mengikuti program ini akan melalui tiga komponen kursus iaitu:

- i. **Kursus Teras Darul Quran** - Kursus ini wajib diikuti oleh setiap pelajar bagi memenuhi keperluan pengajian Darul Quran.
- ii. **Kursus Umum Pengajian Islam** - Kursus ini wajib diikuti oleh semua pelajar dan dikehendaki lulus untuk layak menerima Diploma
- iii. **Kursus Syukbah** - Kursus ini ditetapkan oleh Darul Quran. Pelajar dikehendaki mencapai tahap kemahiran yang cukup dalam kursus yang ditawarkan iaitu:
  - a) Syukbah Qiraat
  - b) Syukbah Dakwah
  - c) Syukbah Syariah
  - d) Syukbah Hadith
  - e) Syukbah Muamalat
  - f) Syukbah Pengurusan Halal

Semua program, peraturan serta pengurusan akademik yang dijalankan di Darul Quran adalah dilaksanakan berdasarkan keputusan Lembaga Darul Quran yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

### **YURAN PENGAJIAN & BIASISWA**

Yuran pengajian tidak dikenakan. Biasiswa akan dipertimbangkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia untuk pelajar-pelajar Darul Quran yang memerlukan.

## **KEMUDAHAN PEMBELAJARAN**

- i. **Kemudahan Asas** - Dewan kuliah, makmal komputer, makmal al-Quran, makmal bahasa, perpustakaan , surau, asrama lelaki dan perempuan, dewan makan, auditorium dan lain- lain.
- ii. **Kemudahan Riadah** - Padang permainan untuk sepak takraw, bola sepak, badminton, bola tampar, bola jaring, bola keranjang dan trek jogging.

## **PENGIKTIRAFAN**

Diploma Tahfiz al-Quran yang dikeluarkan oleh Darul Quran diiktiraf oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dan universiti dalam dan luar Negara khususnya di Timur Tengah. Graduan dari Darul Quran berpeluang mengikuti program ijazah pertama di pusat-pusat pengajian tinggi antaranya :

- Maahad Qiraat Al-Azhar Al Syariff, Mesir
- Universiti Islam Negeri, Sultan Syarif Kassim, Pekan Baru, Riau, Sumatera, Indonesia
- Universiti Malaya (UM)
- Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
- Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)
- Universiti Sains Islam Malaysia USIM)
- Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)

## **SYARAT KELAYAKAN AKADEMIK PELAJAR LUAR NEGARA**

- a) Syarat kelayakan akademik bagi pelajar luar negara adalah selaras dengan kehendak Malaysian Qualification Agency (MQA) dan pengiktirafan Jabatan Perkhidmatan Awam seperti di **Lampiran I**.
- b) Lulus Temuduga

## **PEMBIAYAAN**

- a) Semua pelajar luar negara akan diberikan kemudahan belajar dan peperiksaan secara percuma serta elaun sara hidup kecuali para pelajar yang mendapat tajaan khas dari negara asal mereka.
- b) Namun demikian pihak Darul Quran tidak akan menanggung apa-apa keperluan yang berkaitan dengan visa, pembaharuan passport, kesihatan, keperluan harian dan kosmetik.
- c) Para pelajar luar Negara juga dikehendaki membayar apa-apa yuran yang perlu dalam aktiviti berpersatuan di Darul Quran dan apa-apa aktiviti lain di dalam dan luar Darul Quran yang memerlukan pembayaran yuran.
- d) Darul Quran juga tidak menanggung tiket penerbangan untuk melapor diri ke Darul Quran dan tiket penerbangan balik setelah tamat pengajian serta tiket untuk penerbangan balik semasa cuti panjang dan panggilan kecemasan.

## **TARIKH PENDAFTARAN**

28 April 2020 (Selasa)

## LAMPIRAN 1

### Tujuan

1. Bagi memudahkan para penemuduga mensetarakan sijil / syahadah Negara-Negara Asean setaraf dengan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) untuk kemasukan pelajar ke Program Diploma Tahfiz al-Quran, Darul Quran Jakim.
2. Selaras dengan kehendak MQA dan pengiktirafan JPA untuk mensetarakan semua sijil dari luar negara Malaysia (khususnya negera Asean).

BIL	NEGARA	NAMA KELAYAKAN MQA	KEMASUKAN KE PERINGKAT	SYAHADAH DEENIYAH
1	Brunei Darussalam	Cambridge GCE O Level	Tahap 4 MQF (Diploma)	Sijil Pengajian Ugama Brunei daripada Institut Tahfiz al-Quran, Sultan Haji Hassanah Bolkiah atau Madrasah-Madrasah Islamiyah di Brunei.
2	Cambodia	Diploma of Upper Secondary Education (Grade 12)	Tahap 6 MQF (Ijazah Sarjana Muda)	Syahadah Sanawiah daripada Cambodian Islamic Center atau Madrasah-Madrasah Islamiyah di Cambodia.
3	Indonesia	Ijazah Sekolah Menengah Umum (SMU) 3 / Ijazah Sekolah Menengah Atas & Kejuruan	Tahap 4 MQF (Diploma)	Ijazah Madrasah Aliyah dengan gred purata 5 – 65 atau Madrasah-Madrasah Islamiyah di Indonesia.
4	Laos	Baccalauréat (Upper Secondary School Leaving Certificate)	Tahap 4 MQF (Diploma)	Syahadah Sanawiah Deeniyah daripada Madrasah-Madrasah Islamiyah di Laos.
5	Myanmar	Basic Education High School Examination (also known as Matriculation Examination)	Tahap 4 MQF (Diploma)	Syahadah Sanawiah Deeniyah daripada Madrasah-Madrasah Islamiyah di Myanmar.
6	Philippines	High School Diploma (10-year curriculum)	Tahap 4 MQF (Diploma)	Syahadah Sanawiah Deeniyah daripada Madrasah-Madrasah Islamiyah di Philippines.
7	Singapore	Singapore / Cambridge GCE O level	Tahap 4 MQF (Diploma)	Syahadah Sanawiah Deeniyah daripada Madrasah Al-Junied atau Madrasah-Madrasah Islamiyah di Singapura.
8	Thailand	Certificate of Vocational Education (Paw Waw Chaw)	Tahap 4 MQF (Diploma)	Syahadah Sanawiah daripada At-Tarkiah Islamiah Institute, Narathiwat atau Madrasah-Madrasah Islamiyah di Thailand.
9	Vietnam	Bằng Tốt Nghiệp Phổ Thông Trung Học (Upper Secondary School Graduation Diploma)	Tahap 6 MQF (Ijazah Sarjana Muda)	Syahadah Sanawiah Deeniyah daripada Madrasah-Madrasah Islamiyah di Vietnam.